Law Seng Choe lwn Dirga Niaga (Selangor) Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN SIVIL NO R1–12–653 TAHUN 2001

RAUS H

29 OKTOBER 2003

Acara Sivil — Rayuan — Penghakiman terus — Mengemukan keterangan baru — Permohonan untuk mengenepikan — Sama ada defendan memenuhi kriteria yang diperuntukkan oleh Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 26A dan A 55 k 5A

Ini adalah rayuan plaintif terhadap keputusan mahkamah sesyen yang telah menolak permohonan plaintif di bawah A 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') untuk penghakiman terus terhadap defendan. Plaintif menuntut ganti rugi akibat kelewatan penyerahan milikan kosong premis Lot 796 di No 18, Jalan Perdana 6/14, Pandan Perdana, 55300 Kuala Lumpur ('premis tersebut'). Defendan melalui saman dalam kamar telah memohon di bawah A 55 k 5A KMT untuk mengemukakan keterangan baru melalui dua afidavit dan seterusnya memohon kebenaran untuk memfailkan rekod rayuan tambahan untuk memasukkan keterangan baru tersebut. Keterangan baru yang hendak dimasukkan adalah borang penyerahan saluran paip air luaran iaitu Borang KA 1 bertarikh 23 November 1994 bersama dengan ujian tekanan dan kebocoran air yang telah disaksikan oleh Juruteknik Jabatan Bekalan Air bertarikh 19 Julai 1994, surat Jabatan Bekalan Air bertarikh 17 Mei 1993, keratan akhbar *Harian Metro* bertarikh 20 Oktober 1993 ('dokumen-dokumen tersebut') dan juga afidavit tambahan oleh arkitek defendan. Plaintif telah membantah permohonan ini.

Diputuskan, menolak permohonan untuk mengemukakan keterangan baru dengan kos:

(1) Aturan 55 k 5A KMT memperuntukkan bahawa keterangan baru tidak boleh diterima melainkan jika hakim berpuashati bahawa: (a) pada pendengaran di hadapan mahkamah rendah keterangan baru itu tidak didapati oleh pihak yang hendak menggunakannya atau bahawa usaha yang munasabah tidak mungkin menjadikannya boleh didapati sedemikian; dan (b) keterangan baru itu jika benar, mungkin telah mempunyai atau kemungkinan mempunyai pengaruh penentuan ke atas keputusan mahkamah rendah (lihat perenggan 4).

(2) Kegagalan defendan untuk mengemukakan dokumen-dokumen tersebut dan afidavit oleh arkitek defendan di peringkat A 26A KMT menunjukkan defendan sendiri tidak menjalankan usaha tekun dan munasabah. Oleh itu, defendan telah gagal untuk memenuhi kriteria yang diperuntukkan oleh A 55 k 5A KMT dan telah gagal menjelaskan bahawa dokumen-dokumen tersebut mempunyai pengaruh penentuan ke atas keputusan hakim mahkamah sesyen (lihat perenggan 7).

[English summary

This was an appeal by the plaintiff against the decision of the session court that had dismissed the plaintif's application under O 26A of the Rules of the High Court 1980 ('the RHC') for summary judgment against the defendant. The plaintiff claimed damages for delay in the delivery of vacant possession of a premise Lot 796 at No 18, Jalan Perdana 6/14, Pandan Perdana, 55300 Kuala Lumpur ('the said premise'). The defendant by summons in chambers applied under O 55 r 5A of the RHC to adduce fresh evidence by way of two affidavits and subsequently to apply for leave of the court to file a supplementary record of appeal to include the said fresh evidence. Fresh evidence to be included are external water pipelines submission form, ie Form KA 1 dated 23 November 1994 together with the pressure and leakage water test witnessed by the technician, Jabatan Bekalan Air dated 19 July 1994, letter from Jabatan Bekalan Air dated 17 May 1993, *Harian Metro* newspaper cutting dated 20October 1993 ('the said documents') and also supplementary affidavit by the defendant's architect. The plaintif has objected this application.

Held, dismissing the application to adduce new evidence with cost:

(1) Order 55 r 5A of the RHC provides that fresh evidence shall not be admitted unless the judge is satisfied that: (a) at the hearing before the subordinate court, the new evidence was not available to the party seeking to use it, or that reasonable diligence would not have made it so available; and (b) the fresh evidence, if true, would have had or would have been likely to have had a determining influence upon the decision of the subordinate court (see para 4).

(2) Failure of the defendant to adduce the said documents and affidavit by the defendant's architect at the stage of O 26A of the RHC showed that the defendant himself did not perform reasonable diligence. As such, the defendant had failed to satisfy the criteria provided by O 55 r 5A of the RHC and had failed to explain that the said documents have determining influence upon the decision of the session court judge (see para 7).]

Undang-Undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 26A, A 55 k 5A

Rayuan daripada: Saman 12–52–5222 tahun 2000 (Mahkamah Sesyen, Kuala Lumpur)

Roszimah bte Jamrus (Chan Roszimah & Co) bagi pihak plaintif.
SH Ding (Yeap & Yong) bagi pihak defendan.

Raus H:

[1] Rayuan plaintif adalah terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang pada 29 Ogos 2001 telah menolak permohonan plaintif di bawah A26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') untuk penghakiman

terus terhadap defendan. Tuntutan plaintif adalah RM33,179 untuk ganti rugi akibat kelewatan penyerahan milikan kosong premis Lot 796 di No 18, Jalan Perdana 6/14, Pandan Perdana, 55300 Kuala Lumpur.

[2] Di peringkat rayuan, defendan melalui saman dalam kamar di kandungan 9 telah memohon di bawah A 55 k 5A KMT, untuk kebenaran mengemukakan keterangan baru melalui dua afidavit dan seterusnya memohon kebenaran untuk memfail rekod rayuan tambahan untuk memasukkan keterangan baru tersebut.

[3] Keterangan baru yang hendak dimasukkan termasuklah borang penyerahan saluran paip air luaran iaitu Borang KA 1 bertarikh 23 November 1994 bersama dengan ujian tekanan dan kebocoran air yang telah disaksikan oleh Juruteknik Jabatan Bekalan Air bertarikh 19 Julai 1994; surat Jabatan Bekalan Air bertarikh 17 Mei 1993; keratan akhbar *Harian Metro* bertarikh 20 Oktober 1993 dan juga afidavit tambahan oleh arkitek defendan.

[4] Aturan 55 k 5A KMT memperuntukkan bahawa pada pendengaran rayuan itu keterangan baru tidak boleh diterima melainkan jika hakim berpuashati bahawa:

(a) pada pendengaran di hadapan mahkamah rendah keterangan baru itu tidak didapati oleh pihak yang hendak menggunakannya atau bahawa usaha yang munasabah tidak mungkin menjadikannya boleh didapati sedemikian; dan

(b) keterangan baru itu jika benar, mungkin telah mempunyai atau kemungkinan mempunyai pengaruh penentuan ke atas keputusan mahkamah rendah.

[5] Defendan menyatakan dokumen-dokumen tersebut tidak dimasukkan ke dalam afidavit defendan pada peringkat perbicaraan A 26A kerana dokumen-dokumen tersebut adalah digunakan di dalam tahun 1993 dan 1994 dan telah dihantar dan disimpan di stor defendan. Dokumen-dokumen tersebut baru dijumpai apabila stor dikemaskan. Menurut defendan dokumen-dokumen tersebut bersama dengan afidavit arkitek defendan berkemungkinan mempunyai pengaruh penentuan ke atas keputusan mahkamah sesyen kerana defendan telah melaksanakan segala tanggungjawab menurut perjanjian jual beli dalam menyiapkan saluran paip air dan pemasangan meter air.

[6] Plaintif yang membantah permohonan defendan telah menyatakan bahawa defendan mempunyai masa yang mencukupi untuk mencari, mengesan dan mengemukakan dokumen-dokumen tersebut di dalam afidavit jawapan mereka semasa permohonan di bawah A 26A diserahkan kepada responden. Menurut plaintif jangkamasa permohonan tersebut diserahkan dengan afidavit jawapan yang difailkan oleh defendan adalah lebih dari lima bulan.

[7] Saya bersetuju dengan penegasan plaintif bahawa kegagalan responden untuk mengemukakan dokumen-dokumen tersebut di peringkat permohonan A 26A menunjukkan responden sendiri tidak menjalankan usaha tekun dan munasabah. Begitu juga dengan afidavit oleh arkitek defendan yang mana

defendan sepatutnya sedia maklum afidavit tersebut diperlukan untuk menentang permohonan di bawah A 26A. Fakta mengenai kewujudan garis panduan PAM sememangnya di dalam pengetahuan arkitek defendan sejak tahun 1992 lagi. Malah sebagai sebuah syarikat pemaju perumahan, responden seharusnya sedia maklum mengenai fakta ini dan tidak mempunyai sebarang masalah untuk mendapatkan sesalinan garis panduan tersebut daripada arkitek defendan. Jadi, pada saya, defendan telah gagal untuk memenuhi kriteria sebagaimana yang diperuntukkan dalam A 55 k 5A iaitu tiada usaha yang munasabah yang ditunjukkan untuk mendapatkan dokumen-dokumen tersebut yang sememangnya di dalam milikan dan pengetahuan defendan. Defendan juga gagal menjelaskan bahawa dokumen-dokumen tersebut mempunyai pengaruh penentuan ke atas keputusan hakim mahkamah sesyen. Oleh itu, permohonan responden di kandungan 9 adalah ditolak dengan kos.

Permohonan ditolak dengan kos

Dilaporkan oleh Mohd Nizam Hamdan